

# KONVOI KEMBARA JELAJAH BORNEO 2017 AIRFORCE BIKERS COMMUNITY (AFBC) SINGGAH DI PU KUCHING

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2749-konvoi-kembara-jelajah-borneo-2017-airforce-bike-community-afbc-singgah-ke-pu-kuching](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2749-konvoi-kembara-jelajah-borneo-2017-airforce-bike-community-afbc-singgah-ke-pu-kuching)

KUCHING, 3 Dis 17 - Kembara Jelajah Borneo 2017 AFBC yang diketuai oleh YBhg Kol Mohd Sabri bin Shamsudin TUDM telah singgah di PU Kuching dalam rangka jelajah mereka ke Sarawak. Ketibaan konvoi disambut oleh Pegawai Eksekutif Pangkalan iaitu Lt Kol Khir Allauddin bin Ahmad Basari TUDM serta warga PU Kuching. Konvoi 19 buah motosikal tersebut bergerak dari PU Labuan pada 1 Dis yang lepas. Kumpulan konvoi ini diraikan di majlis makan malam di Wisma Angkasanuri dan keesokannya mereka bergerak ke Sibu.

